

INDUSTRI FARMASEUTIKAL

Salah sebuah sektor yang menerajui proses mempelbagaikan ekonomi negara di alaf Ke-21

Oleh : Musa Mohidin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

USAHA kerajaan membangunkan struktur ekonomi yang berupaya untuk dipelbagaikan kini menunjukkan tanda-tanda perkembangan yang lebih ketara dari dekad-dekad sebelum ini.

Negara Brunei Darussalam dijangka menyaksikan kemunculan 11 projek bernilai hampir BND7 bilion berikut dari pelaburan langsung luar negeri (FDI).

Pada masa ini, empat projek FDI bernilai BND1 bilion telah dilaksanakan di mana Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) memainkan peranan utama selaku pemudahcara. Simpor Pharma Sendirian Berhad adalah salah sebuah dari empat projek berkenaan.

Terletak di tengah-tengah Taman Perindustrian Salambigar ialah sebuah syarikat farmaseutikal tunggal di negara ini yang bernama Simpor Pharma Sendirian Berhad.

Ditubuhkan pada September 2013, Simpor Pharma adalah syarikat usaha sama dalam kalangan Viva Pharmaceutical Inc (Kanada), Aureos (Brunei) Sendirian Berhad (sebuah dana ekuiti swasta Negara Brunei Darussalam) dan Kukoh Bersama Sendirian Berhad.

Simpot Pharma yang ditubuhkan dengan modal pelaburan BND34 juta adalah majikan bagi 32 kakitangan tempatan dan 12 kakitangan asing. Jumlah tenaga kerjanya dijangka bertambah dari semasa ke semasa.

Apabila ditanya apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan untuk melabur di sini dengan menubuhkan Simpor Pharma, Pengarah Urusannya, Tuan Edward Ko berkata: "Kita mahu memanfaatkan reputasi kukuh pensijilan Halal negara ini bagi pengeluaran farmaseutikal Halal yang dapat menampung 1.6 bilion pengguna Muslim di seluruh dunia."

Di samping itu, kita juga mensasarkan para pengguna yang bukan Muslim kerana perihal Halal adalah untuk semua orang. Jenama Halal mempunyai reputasi baik yang dikenali sebagai selamat untuk dimakan."

Menurut Tuan Edward Ko, Simpor Pharma telah memulakan pengeksportan produk-produk ke Kanada sejak Mei 2014.

"Simpot Pharma Sendirian Berhad menghasilkan farmaseutikal, makanan tambahan kesihatan dan kosmetik. Kita juga melakukan pengilangan kontrak dan oleh itu kita berupaya untuk menghasilkan menurut spesifikasi-spesifikasi pelanggan."

Dan syarikat kita juga mempunyai jenama Simpor Pharma kita sendiri," kata beliau ketika merujuk pada jenis-jenis produk yang dihasilkan oleh syarikat tersebut.

Kategori-kategori produk yang dihasilkan oleh Simpor Pharma Sendirian Berhad

- Farmaseutikal
- Makanan tambahan kesihatan
- Kosmetik
- Paracetamol
- Omega 3
- Sanitisir tangan
- Ibuprofen
- Vitamin C
- Losyen tangan
- Amlodipine
- Multivitamins
- Krim muka
- Metformin
- CoEnzyme Q10
- Folic acid
- Vitamin E

BANGUNAN Simpor Pharma Sendirian Berhad yang terletak di Taman Perindustrian Salambigar adalah merupakan syarikat usaha sama dalam kalangan Viva Pharmaceutical Inc (Kanada), Aureos (Brunei) Sendirian Berhad (sebuah dana ekuiti swasta Negara Brunei Darussalam) dan Kukoh Bersama Sendirian Berhad.

Menurut Pengarah Urusan, dari segi bakal pasaran, pihak beliau telah menerima pertanyaan dari Kanada, Myanmar, Filipina, Malaysia, Taiwan dan Viet Nam.

"Kita akan menyasarkan pasaran di Timur Tengah, Australia dan Amerika Syarikat," kata beliau.

Apabila ditanya apakah jenis-jenis kelulusan akademik (atau kemahiran) yang diperlukan untuk menjadi kakitangan Simpor Pharma, pihak syarikat tersebut menyenaraikan dalam rajah berikut.

Jawatan	Kelulusan minima
Pengurusan temasyuk, Pengurusan Atasan dan Pengurusan Pertengahan	
Pengarah Urusian	Ijazah (Pengalaman bekerja selama 15 tahun di bidang pembuatan farmaseutikal, perolehan, pengurusan, jualan & pemasaran)
Pengurus Besar	Ijazah (Pengalaman bekerja selama sepuluh tahun di bidang pengurusan farmaseutikal, kawalan kualiti (QC), jaminan kualiti (QA) dan kejuruteraan)
Pengurus Jualan	Ijazah (Pengalaman bekerja selama lima tahun di bidang sumber manusia (HR) dan jualan farmaseutikal)
Pengurus Pengeluaran	Ijazah (Pengalaman bekerja selama sepuluh tahun selaku Pengurus Pembuatan Farmaseutikal)
Pengurus Jaminan Kualiti	Ijazah (Pengalaman bekerja selama sepuluh tahun selaku Pengurus Jaminan Kualiti Farmaseutikal)
Pengurus Kawalan Kualiti	Ijazah (Pengalaman bekerja selama sepuluh tahun selaku Pengurus Kawalan Kualiti Farmaseutikal)
Pengurus Kejuruteraan	Ijazah (Pengalaman bekerja selama lima tahun selaku Pengurus Kejuruteraan Kemudahan Farmaseutikal)
Pengurus Hal Ehwal Kawal Selia	Ijazah (Pengalaman bekerja selama lima tahun selaku Pengurus Hal Ehwal Kawal Selia)
Pengurus Pembangunan dan Penyelidikan (R&D)	Ijazah (Pengalaman bekerja selama sepuluh tahun selaku Pengurus Pembangunan dan Penyelidikan (R&D))
Pengurus Sumber Manusia	Ijazah (Pengalaman bekerja selama sepuluh tahun selaku Pengurus Sumber Manusia)
Pengurusan yang lebih rendah, orang yang mahir dan separuh mahir (misalnya juruteknik, penyelia)	
Medya Jaminan Kualiti	Ijazah (Pengalaman bekerja selama dua tahun di bidang Jaminan Kualiti Farmaseutikal)
Kawalan Kualiti Ahli Kimia	Ijazah (Pengalaman bekerja selama liga tahun di bidang Makmal Analisa Kawalan Kualiti)
Ahli Mikrobiologi	Ijazah (Pengalaman bekerja selama tiga tahun di bidang Makmal Mikrobiologi)
Kawalan Kualiti Kanan Ahli Kimia	Ijazah (Pengalaman bekerja selama lima tahun di bidang Makmal Analisa Kawalan Kualiti)
Juruteknik Kawalan Kualiti	Diploma/Ijazah (Pengalaman bekerja selama dua tahun di bidang Kawalan Kualiti Farmaseutikal)
Pembantu Kawalan Kualiti	Diploma
Formulator	Ijazah (Pengalaman bekerja selama tiga tahun di bidang formulasi farmaseutikal)
Penyelia Pengeluaran	Diploma (Pengalaman bekerja selama liga tahun di bidang pembuatan farmaseutikal)
Ahli Kimia Penyelidikan bagi Pembangunan & Penyelidikan (R&D)	Ijazah (Pengalaman bekerja selama lima tahun di bidang Pembangunan & Penyelidikan Farmaseutikal)
Pembantu Makmal bagi Pembangunan & Penyelidikan (R&D)	Diploma/Ijazah
Juruteknik Pembuatan	Diploma
Pelatih Pembuatan	Diploma
Juruteknik Pemeriksaan	O-Level
IT/Programmer	Diploma
Jurutera	Diploma/Ijazah (Pengalaman bekerja selama lima tahun di bidang kejuruteraan)
Esekutif Jualan	Diploma/Ijazah (Pengalaman bekerja selama dua tahun di bidang jualan farmaseutikal)
Gudang	O-Level
Kakitangan sokongan yang bukan teknikal (misalnya kerani, setiausaha, penyambut tetamu)	
Pembantu Tadbir	O-Level
Setiausaha	O-Level
Esekutif Sumber Manusia	O-Level
Pembantu Jualan	Diploma/Ijazah
Pembeli	Diploma/Ijazah



Cabarau-Cabarau

Memulakan sebarang perusahaan atau perniagaan sering menghadapi pelbagai cabaran, lebih-lebih lagi apabila perusahaan itu adalah yang tunggal.

Pengalaman Simpor Pharma Sendirian Berhad menunjukkan bahawa syarikat tersebut adalah tidak terkecuali daripada cabaran-cabaran berkenaan.

Dari segi pengambilan tenaga kerja tempatan, Tuan Edward Ko berkata: "Terdapat kesukaran mencari dalam negara bagi orang-orang yang mempunyai kelayakan dan kapakanan yang berkaitan."

Menepati keperluan pihak pengawal selia bagi para tenaga kerja khusus adalah cabaran kedua, menurut beliau.

"Kebanyakan warga tempatan yang memiliki kelulusan yang berkaitan adalah biasanya terdiri dari penerima biasiswa dan justeru terikat untuk berkhidmat dengan kerajaan," kata Pengarah Urusan.

Itu dari segi pengambilan tenaga kerja.

Apabila ditanya apakah cabaran-cabaran yang dialami oleh Simpor Pharma di dalam mengeksport produk-produk farmaseutikal, Tuan Edward Ko berkata: "Pertama, kos perkapalan adalah tinggi jika dibanding dengan kos perkapalan di negara-negara jiran."

Kedua ialah masa penghantaran menggunakan perkapalan adalah lama. Di samping itu, masa transit juga terlalu lama dan oleh sebab itu kita akan kehilangan banyak tawaran perniagaan yang berpotensi.

Dan ketiga ialah sumber-sumber tempatan yang terhad. Justeru, sebahagian besar sumber-sumber yang diperlukan adalah didatangkan dari negara-negara lain."

Manakala cabaran-cabaran dari segi mendapatkan bahan-bahan mentah untuk pembuatan produk farmaseutikal adalah berupa berikut.

Pertama ialah kos perkapalan yang tinggi jika dibandingkan dengan kos perkapalan di negara-negara jiran.

Ke muka 10



PENGARAH Urusan Simpor Pharma Sendirian Berhad, Tuan Edward Ko, ketika ditemubual di pejabat beliau.



SALAH sebuah makmal yang terdapat di Simpor Pharma Sendirian Berhad.

Dari muka 9

Kedua ialah masa penghantaran menggunakan perkapalan adalah lama. "Bahan-bahan mentah adalah mempunyai jangka hayat tertentu. Apabila masa penghantaran menggunakan perkapalan adalah lama, kita terpaksa menggunakan bahan-bahan mentah itu dengan segera," kata Pengarah Urusan.

Ketiga ialah ketiadaan kepelbagaiannya pengangkutan. Menurut Tuan Edward Ko, perkhidmatan kargo udara yang membawa barang-barang berbahaya (Dangerous Goods) tidak beroperasi ke Brunei. Satu-satunya pilihan ialah pengangkutan laut dan ini adalah sangat perlahan.

Menyentuh pasal kargo udara, beliau berkata, ketiadaan kargo udara yang ditetapkan di sini (*designated air cargo*) bererti Simpor Pharma terpaksa mencari penerangan sewa khas walaupun pihak beliau hanya menghantar kuantiti barang yang kecil.

Dari segi pengangkutan laut pula, jadual bagi penghantaran keluar masuk adalah tidak teratur, menurut beliau.

Bantuan dari agensi-agensi kerajaan

Mujurlah cabaran-cabaran yang dialami adalah tidak merangkumi semua aspek.

"Semua agensi kerajaan di Negara Brunei Darussalam telah sangat membantu, terutama sekali Jabatan Kemajuan dan Perancangan Ekonomi (JPKE) dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam membantu kita bagi mendapatkan sumber tenaga kerja dan geran untuk melatih kakitangan tempatan."

"Kementerian Kewangan dan LKEB adalah sangat membantu sebagai pihak-pihak perantara apabila kita berurus dengan pihak kerajaan, serta menyediakan bantuan dalam mencari tapak kilang yang bersesuaian," kata Tuan Edward Ko.

"Terdapat sedikit kelewat dalam penubuhan disebabkan mencari tenaga kerja tempatan yang bersesuaian," kata beliau.

Pelan jangka masa sederhana

Menurut Pengarah Urusan, pelan jangka masa sederhana bagi Simpor Pharma adalah merangkumi berikut:

- Menghasilkan farmaseutikal, makanan tambahan kesihatan dan kosmetik Halal "Buatan Brunei Darussalam" (Made in Brunei).

Edward Ko berkata, pelan jangka masa panjang bagi Simpor Pharma adalah merangkumi berikut:

- Menjadikan jenama Simpor Pharma "Buatan Brunei Darussalam" dikenali

dalam negara, maka perihal latihan dan pemindahan pengetahuan adalah di antara perkara yang sering dikaitkan dengan sebuah firma yang ditubuhkan seumpama ini.

"Pihak Simpor Pharma membuat pelaburan besar dalam latihan berkualiti dan pemindahan pengetahuan untuk memastikan agar rakyat Brunei menikmati pekerjaan yang berjangka masa panjang," kata Tuan Edward Ko.

Menurut beliau, latihan dan pemindahan pengetahuan berkenaan adalah diberikan kepada para pengurus kawalan kualiti, juruteknik kawalan kualiti dan juruteknik Pembangunan dan Penyelidikan (R&D).

"Kita datangkan para pakar dari luar negara untuk melatih para pengurus tempatan. Dan syarikat kita juga menghantar para kakitangan untuk menjalani latihan di ibu pejabat Viva Pharmaceutical Inc di Kanada," kata Pengarah Urusan.

Berasaskan kadar operasi perniagaan yang sedia ada, Pengarah Urusan Simpor Pharma berkata bahawa, syarikat tersebut akan mengambil masa lima tahun untuk mula mengeluarkan kapasiti yang optimum.

Dalam kalangan negara-negara maju, sektor farmaseutikal merupakan industri yang terdiri dari syarikat-syarikat gergasi yang mempunyai puluhan ribu kakitangan yang berkhidmat di negara asal dan juga luar negara.

Manakala dalam kalangan syarikat-syarikat farmaseutikal yang terbesar di dunia pula, setiap sebuah mempunyai permodalan pasaran (*market capitalisation*) yang bernilai ratusan bilion Dollar Amerika.


Pada saat ini Simpor Pharma Sendirian Berhad mempunyai kelebihan di pasaran Negara Brunei Darussalam disebabkan syarikat tersebut adalah firma farmaseutikal tunggal di sini.

Sebelum firma-firma farmaseutikal gergasi yang lain berpengkalan di sini, Simpor Pharma masih mempunyai peluang luas untuk menerokai hutan topika Negara Brunei Darussalam untuk mencari tumbuh-tumbuhan tempatan yang mempunyai ciri-ciri perubatan.

Rang undang-undang kontrak, insentif pelaburan, harta intelek, paten, hak cipta dan sebagainya adalah disediakan bagi membolehkan pertumbuhan syarikat-syarikat di dalam ekonomi alaf Ke-21 yang menitik beratkan pengetahuan (*knowledge-based economy*).

Manakala pendidikan teknikal dan vokasional juga kini sedang menjalani proses naik taraf agar pengetahuan dan kemahiran yang diajar akan dapat dimanfaatkan oleh para lulusannya apabila bekerja nanti.

Di samping menyediakan rang undang-undang dan menaik taraf pendidikan teknikal dan vokasional, pihak kerajaan juga sentiasa berusaha untuk mendapatkan kerjasama negara-negara lain agar produk-produk eksport Negara Brunei Darussalam diringankan beban daripada mengalami kesukaran seperti cukai import yang tinggi dan halangan bukan tarif (*non-tariff barriers*).



Di antara kelengkapan yang digunakan dalam analisa kromatografi

- Meningkatkan dan mempelbagaikan ekonomi Negara Brunei Darussalam bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan membantu untuk menyumbang peningkatan hasil Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara.

- Menyediakan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan masyarakat sejagat dengan sumber farmaseutikal makanan tambahan kesihatan dan kosmetik yang dijamin Halal.

- Mematuhi Amalan Pengilangan Baik (*Good Manufacturing Practice*) yang diguna pakai pada masa ini.

- Menjadi pusat latihan bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dalam farmaseutikal / bioteknologi / kimia atau mana-mana bidang yang berkaitan.

- Meningkatkan kesedaran kesihatan dalam kalangan penduduk Negara Brunei Darussalam dan antarabangsa.

Pelan jangka masa panjang

Edward Ko berkata, pelan jangka masa panjang bagi Simpor Pharma adalah merangkumi berikut:

- Menjadikan jenama Simpor Pharma "Buatan Brunei Darussalam" dikenali



KETERANGAN ringkas mengenai operasi dan produk Simpor Pharma Sendirian Berhad bagi tatapan para pelawat.